

22 MAR 2000

Hamid-Haji

ARAB SAUDI MUNGKIN DIMINTA KELUAR KENYATAAN TANGKIS FITNAH

SEPANG, 22 Mac (Bernama) -- Pihak berkuasa Arab Saudi mungkin diminta membuat kenyataan tindakan mereka menahan 340 rakyat Malaysia yang menggunakan visa umrah untuk mengerjakan haji baru-baru ini adalah selaras dengan urusan dan peraturan negara itu sendiri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata langkah itu diharap dapat menangkis fitnah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kononnya meminta kerajaan Arab Saudi menangkap rakyat Malaysia berkenaan.

"Kita mungkin minta kenyataan daripada Arab Saudi bahawa (tindakan menahan) itu adalah urusan negara mereka, mengikut peraturan mereka...kita tak ada campur tangan sama sekali," katanya kepada pemberita selepas menyambut ketibaan pertama pesawat yang membawa pulang 400 jemaah Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa KL, di sini.

Beliau mengulas fitnah yang disebar di Kelantan itu didedahkan oleh Dr Mahathir pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno dua hari lalu.

Katanya, Dr Mahathir yang memutuskan bahawa kerajaan menanggung kos pembelian tiket penerbangan pulang sesetengah daripada mereka yang tidak mempunyai tiket, semata-mata untuk membebaskan mereka daripada tahanan. Tiket penerbangan sewa khas itu berharga kira-kira RM500 setiap satu.

Abdul Hamid berkata sememangnya rakyat Malaysia yang ingin menunaikan umrah dimaklumkan bahawa mereka tidak boleh tinggal melebihi tempoh visa di Arab Saudi.

Beliau berkata fitnah yang memburuk-burukkan kerajaan seumpama itulah yang dijangka akan dibawa Pas bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Sanggang, Pahang pada 1 April ini.

"Pendekatan Pas adalah dengan memberi maklumat tak betul dan memberi tafsiran tak betul dari segi agama dan kefahaman agama.

"Saya harap para pengundi di Sanggang akan faham bahawa fitnah tidak boleh menjadi asas kepada pendirian mereka pada hari pengundian nanti," katanya.

Pilihan raya kecil Sanggang membabitkan pertandingan satu lawan satu antara Barisan Nasional dan Pas berikutan kematian Datuk Abdullah Kia 27 Feb lalu.

Menyentuh kerajaan Pas Terengganu yang berhasrat mewajibkan pemakaian tudung bagi wanita Islam di negeri itu, Abdul Hamid berkata kira-kira 90 peratus wanita Islam di negara itu sudahpun berpakaian menurut kehendak agama.

Katanya ini berlaku kerana kesedaran yang lahir daripada pendidikan dan bukan secara paksaan.

Mengenai musim haji kali ini, Abdul Hamid berkata kerajaan Malaysia mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Arab Saudi kerana pelaksanaan yang sempurna tanpa berlaku sebarang kejadian buruk yang besar.

Menurutnya Arab Saudi juga memuji pengurusan jemaah haji Malaysia yang dianggap terbaik berbanding negara lain.

Katanya, kerajaan Arab Saudi mencadangkan supaya Malaysia mengadakan seminar mengenai pengurusan haji dengan menjemput semua menteri dan pegawai dari negara-negara Islam untuk melihat dengan lebih dekat pendekatan yang dilaksanakan Tabung Haji.

Penerbangan terakhir membawa pulang jemaah haji Malaysia dijadualkan pada 19 April ini.

-- BERNAMA

mam RI